

Tarikh Dibaca: 14 FEBRUARI 2020M / 20 JUMADA AL-AKHIRAH 1441H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

**“YANG MUDA DIKASIHI, YANG TUA
DIHORMATI”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



"YANG MUDA DIKASIHI, YANG TUA DIHORMATI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُبَتَّقُوا
اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَىٰ:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**YANG MUDA DIKASIHI YANG TUA DIHORMATI**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Masyarakat yang berkasih sayang saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain termasuklah golongan yang muda ataupun tua. Ia sebagaimana diajar oleh Nabi SAW untuk kita saling menyayangi

¹ Al-Hujurat : 13.

² Ali-Imran : 102.



sepertimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radhiaallahu Anhuma:

إِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمُكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

"Sayangilah semua yang ada di bumi, maka semua yang ada di langit akan menyayangimu."

(Riwayat al-Tirmizi).

Sebaliknya orang yang tidak mempunyai kasih sayang tidak akan disayangi sepertimana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّهُ مَنْ لَا يَرْحَمْ لَا يُرْحَمْ

"Sesungguhnya sesiapa yang tidak menyayangi maka dia tidak disayangi."

(Riwayat Muslim).

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Islam adalah agama yang mengajak umatnya untuk berkasih sayang. Kasih sayang adalah penghubung *tali persaudaraan* sesama manusia. Golongan tua adalah merupakan individu penting dalam membentuk golongan muda dengan sifat kasih sayang antara satu dengan yang lain. Mereka perlu melayani dan membimbing golongan muda dalam kalangan anak-anak atau remaja dengan penuh kasih sayang.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW menegaskan dengan sabdanya:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا وَلَا
تُؤْمِنُوا حَتَّىٰ تَحَابُّوا



"Demi diriku yang berada ditangan-Nya, kamu tidak akan masuk ke syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak dinamakan beriman sehingga kamu berkasih sayang".

(Riwayat Abu Daud).

Sifat kasih sayang ini perlu dibentuk dikalangan anak-anak muda lagi, bak kata pepatah melayu "**melentur buluh biarlah dari rebungnya**". Jika masyarakat dalam kalangan golongan tua dan muda kurang mengamalkan sikap penyayang bererti mereka tidak mengamalkan Islam keseluruhannya.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Ibubapa merupakan orang tua yang wajib dihormati kerana terlalu banyak jasa dan pengorbanan mereka yang tidak dapat kita balas dengan harta mahupun kekayaan. Tiada yang tua maka tiadalah yang muda. Kasih sayang yang telah mereka curahkan kepada kita sejak kecil hingga dewasa tiadalah tolok bandingnya. Bertuturlah dengan bahasa yang baik dan kata-kata yang lemah lembut serta menampilkkan tingkah laku yang sopan lagi mesra. Janganlah kita mengharapkan habuan yang menggunung daripada mereka tetapi hendaklah kita memikirkan apa yang kita berikan kepada mereka. Balaslah kebaikan mereka dengan kasih sayang kita, bahkan berbuat baiklah kepada mereka supaya kita tidak termasuk dalam kalangan orang-orang yang sompong dan sering membanggakan diri sendiri.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Israk ayat 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمْ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْلِيل لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا

گریماً

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik



kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "AH" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya Islam sangat memuliakan golongan yang lebih tua dan meletakkan mereka pada darjat yang paling tinggi terutamanya ibubapa. Pengiktirafan yang tinggi ini berdasarkan hadis Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma, dia berkata bahawa Nabi SAW telah bersabda:

رِضَا اللَّهِ فِي رِضا الْوَالِدَيْنِ، وَسَخَطُ اللَّهِ فِي سَخَطِ الْوَالِدَيْنِ

"Keredaan Allah itu terletak pada keredaan ibu bapa dan murka Allah itu terletak pada murka ibu bapa."

(Riwayat at-Tirmidzi).

Bahkan Rasullullah SAW juga tidak mengaku sebagai umatnya kepada orang yang tidak menyayangi yang muda dan tidak menghormati yang tua melalui hadis daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ حَقَّ كَبِيرِنَا فَلَيْسَ مِنَّا

"Sesiapa yang tidak menyayangi orang yang kecil di antara kami dan tidak memahami hak orang yang lebih besar di antara kami, maka ia bukan dari golongan kami."

(Riwayat Abu Daud).



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, Khatib menyeru kepada seluruh umat Islam supaya:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kasih mengasih sesama manusia adalah perintah daripada Allah SWT kepada semua umat manusia.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam adalah agama yang mengutamakan kesejahteraan hidup dengan berkasih sayang.
3. Umat Islam hendaklah memupuk sikap saling menghormati antara golongan yang tua dengan golongan yang lebih muda.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ
عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu dan dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."

(al-Taubah : 128).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
أَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. أَللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلْسَلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ
الْكُفَّارَةِ وَالْمُبْتَدِعَةِ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.
وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Hizbut Tahrir. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami



rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Novel Coronavirus (Covid-19) dan lain-lain. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا^١
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا^٢
عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ^٣ يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ^٤

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.
